

Artikel Penyelidikan

# Menyelami Kejayaan Bersama Tokoh Inspirasi: Eoon Shuhaini.

Nurul Alis Raman @ Sharif<sup>1</sup>, Mariah Asyikin Abd Rahman<sup>2</sup>, Noor Arina Md Arifin<sup>3\*</sup>, Fatin Nur Zulkipli<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; alissrs32@gmail.com;

<sup>2</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; [thenamemariah@gmail.com](mailto:thenamemariah@gmail.com) ;

<sup>3</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026;

<sup>4</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125;

\* Correspondence: arina848@uitm.edu.my; +60179620049.

**Abstrak:** Kajian ini adalah berdasarkan kepada temu bual yang dibuat bersama pengarah television yang terkenal di Malaysia iaitu Eoon Shuhaini. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengupas latar belakang beliau dalam dunia seni sebagai pengarah dengan lebih terperinci. Temu bual dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet yang mengambil masa selama 3 jam pada 9 Julai 2022. Penglibatan beliau dalam industri seni bermula sebagai krew produksi di bawah naungan HVD Entertainment pada tahun 1995 sehingga tahun 1997. Beliau kemudian meneruskan kerjaya sebagai krew produksi (pengarah seni dan kesinambungan) secara bebas dari tahun 1998 sehingga tahun 2010. Beliau telah mengorak Langkah dalam bidang seni sebagai pembantu pengarah secara bebas dan telah menghasilkan beberapa drama terkenal. Akhir sekali pada tahun 2010 sehingga kini beliau telah berjaya merangkul posisi sebagai pengarah terkenal. Kajian ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau dalam bidang seni dan pencapaian yang telah dirangkul oleh beliau seperti Anugerah Rating Tertinggi untuk beberapa drama seperti 'Love You Mr Arrogant', 'Pujaan Hati Kanda' dan lain-lain. Melalui sesi temu bual ini, pelbagai maklumat dapat dikumpulkan berkaitan kehidupan beliau sebagai anak seni, dan pencapaian bagaimana beliau sebagai salah seorang pengarah yang terkenal sehinggalah ke hari ini. Informasi hasil daripada temu bual ini boleh dijadikan iktibar kepada generasi muda yang ingin mengasah bakat di dalam industri seni pada masa kini.

Kata kunci: Eoon Shuhaini, pengarah filem, drama, dunia seni, inspirasi

DOI: 10.5281/zenodo.15393513

---



**Copyright:** © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Industri perfileman kini telah memberi impak yang besar terutamanya kepada industri hiburan tanah air. Kemajuan industri perfileman bergerak seiring dengan arus perkembangan era globalisasi serta kemajuan dalam penghasilan sesebuah filem. Ini menunjukkan bahawa industri perfileman telah mencapai kemajuan dari segi sinematografi yang lebih moden dan sebagainya. Pelbagai filem dan drama tempatan telah berjaya menempa nama ke peringkat persada dunia serta berjaya merangkul pembagai anugerah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman perjalanan seni seorang tokoh inspirasi industri seni dalam bidang pengarahan drama dan filem iaitu Eoon Shuhaini. Hasil dari kajian ini dapat memberi pendedahan kepada generasi muda berkaitan pengalaman, jasa dan sumbangan beliau sebagai pengarah televisyen terkenal tanah air.

Sepanjang sesi temu bual bersama dengan Eoon Shuhaini, penyelidik mengemukakan beberapa soalan temu bual yang dirangka khusus untuk digunakan bagi kajian ini. Antara soalan-soalan yang dikemukakan kepada Eoon Shuhaini adalah berkenaan latar belakang kehidupan beliau dan seterusnya bagaimanakah bermulanya penglibatan beliau dalam dunia industri seni di Malaysia kerana soalan ini amatlah penting untuk diketahui oleh pihak yang ingin mengenali lebih dalam tentang beliau. Penyelidik juga ingin mengambil tahu berkenaan pencapaian dan anugerah di dalam industri perfileman sepanjang kerjayanya sebagai pengarah drama dan filem untuk dicatatkan dalam biografi beliau di dalam industri. Akhirnya, sesi temu bual ini juga mencatatkan cabaran yang beliau hadapi sebagai seorang pengarah yang pernah meningkatkan industri perfileman di Malaysia.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian literatur mengenai pengarah seni tanah air menunjukkan kekurangan dokumentasi berbentuk akademik mengenai latar belakang, penglibatan, pencapaian dan sejarah perkembangan kerjaya seni pengarah seni tanah air. Majoriti bahan bacaan yang mengupas berkaitan industri seni di negara kita adalah daripada sumber keratan akhbar, laman media sosial seperti *facebook*, *blog* dan lain-lain yang lebih berbentuk topik berita semasa dan maklumat sosial dan hiburan. Penyelidik berpendapat bahawa perlu ada kajian yang berbentuk ilmiah yang disusun bagi merekodkan maklumat daripada para karyawan seni tanah air sebagai bahan rujukan untuk generasi akan datang sekaligus memastikan nama-nama tokoh seni di negara kita tidak dilupakan sumbangannya mereka di dalam industri ini.

Isu yang ingin dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan dengan seniman veteran tanah air dalam industri perfileman di Malaysia. Pelbagai faktor yang mendorong seseorang itu berkecimpung dalam dunia hiburan seperti menjadi sebagai seorang pengarah filem ataupun drama. Bahkan, mereka yang terlibat dalam industri hiburan ini juga sudah pasti membawa niat untuk meningkatkan lagi populariti industri perfileman Malaysia ke persada dunia. Namun, persoalannya dalam pelbagai faktor tersebut seperti faktor dorongan, faktor motivasi, faktor persepsi, faktor gratifikasi dan faktor genre, faktor manakah yang menjadi faktor penggalak dalam memberi pengaruh kuat kepada kemajuan industri tersebut. Kurangnya maklumat berkaitan industri perfileman menjadi isu mengapa kebanyakannya penonton di Malaysia kurang memberi sokongan kepada industri perfileman tanah air, bahkan mereka lebih meminati industri perfileman dari negara lain. Isunya juga sejauh manakah faktor tersebut mampu mempengaruhi penonton sehingga berlakunya satu transformasi terhadap industri perfileman tempatan.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan pengarah terkenal iaitu Encik Eoon Shuhaini. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan bawah:

- i. Untuk mengkaji tentang latar belakang pengarah tanah air iaitu Encik Eoon Shuhaini.
- ii. Untuk menganalisa pengalaman, sumbangan serta pencapaian Encik Eoon Shuhaini di dalam industri perfileman Malaysia.
- iii. Untuk mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai pengalaman serta perjalanan seni Encik Eoon Shuhaini melalui temubual.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai soalan-soalan yang sangat penting untuk membantu dalam mencari maklumat yang digunakan untuk mencapai objektif-objektif kajian. Soalan-soalan tersebut adalah seperti yang telah dinyatakan di bawah:

- Siapakah seniman veteran, Encik Eoon Shuhaini?
- Apakah sumbangan serta pencapaian tertinggi Encik Eoon Shuhaini dalam industri perfilman tanah air?
- Bagaimanakah bermulanya perjalanan seni dan pengalaman yang dialami Encik Eoon Shuhaini dalam industri perfilman ini?

#### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenali tokoh seni veteran Malaysia iaitu Encik Eoon Shuhaini, yang merupakan pengarah filem dan drama yang terkenal di Malaysia. Kajian ini juga untuk mengenalpasti pencapaian dan sumbangan yang telah berjaya dirangkul oleh beliau iaitu Encik Eoon Shuhaini dan menilai sifat dan motivasi beliau dalam memastikan kemajuan dan kejayaan yang beliau yang bakal dikecapi sepanjang berada dalam industri hiburan ini. Selain itu, terdapat juga persoalan yang akan dikupas seperti apakah pandangan serta sifat dan motivasi beliau untuk mencapai kemajuan dalam industri perfilman ini dan apakah implikasinya kepada pemasaran industri filem tempatan untuk memantapkan lagi industri perfilman sehingga dapat dikenali ke peringkat antarabangsa. Penyelidikan ini mampu memberi faedah seperti pengetahuan mengenai bidang seni, motivasi, liku-liku perjalanan serta inspirasi dalam membentuk kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang serta pesanan yang mampu mengubah perspektif pemikiran kepada yang lebih nasional kepada masyarakat tanpa mengira umur serta mengenali dengan lebih mendalam mengenai seorang pengarah veteran Malaysia.

Kajian ini diharapkan akan menyumbang kepada penambahan sumber informasi berkenaan perkembangan seni perfilman tanah air serta para karyawan yang pernah mewarnai dunia perfilman di Malaysia. Tokoh yang ditemui bual juga mampu memberikan pandangan beliau tentang bidang pengarahan yang boleh dijadikan contoh dan model kepada masyarakat melalui dokumentasi sejarah lisan ini. Nukilan ini akan menceritakan latar belakang Encik Eoon Shuhaini sehingga kepada pandangan dan pendapat beliau terhadap industri perfilman negara pada masa kini untuk diketahui umum. Penerbit program dan media massa juga mungkin akan lebih cenderung untuk mengadakan program realiti berkisarkan karyawan seni veteran agar mereka terus dikenali oleh masyarakat. Malah, Encik Eoon Shuhaini juga boleh memberi nasihat atau pandangan kepada pengarah yang baru menyertai industri seni perfilman sambil menjana pendapatan dengan menyertai program televisyen atau temu bual secara dalam talian dalam bentuk *podcast*, *live chat* dan sebagainya.

#### **6. TINJAUAN LITERATUR**

Pengarah drama atau filem merupakan seseorang yang menjadi ketua atau pemimpin untuk kesenian sebuah drama atau filem (ScreenSkills, 2022). Sepanjang proses penerbitan dan penyuntingan drama atau filem, pengarah akan bertanggungjawab untuk mengekalkan nilai artistic bagi sebuah drama atau filem. Pengarah sebuah drama adalah individu yang menggalas tanggungjawab yang

besar dalam menghasilkan sesebuah drama (Wawarah, S. 2020). Adalah menjadi tugas seorang pengarah untuk membayangkan skrip dalam bentuk visual. Sebaik sahaja produksi telah mengumpulkan wang tunai yang diperlukan, sama ada melalui penajaan atau duit produksi, mereka bekerjasama rapat dengan pengeluar untuk melantik ketua jabatan seperti pengarah fotografi, penolong pengarah dan pereka produksi. Mereka kemudian bekerjasama dengan penerbit dan pengarah pelakon untuk memilih pelakon dan dengan pengarah fotografi untuk membangunkan gaya penggambaran termasuk nota tentang tngkapan kamera dan perubahan skrip. Sesetengah pengarah berlatih pelakon sebelum penggambaran walaupun tidak semua meakunya. Mereka “menyekat” persembahan dengan pelakon sebelum penggambaran bermula bermakna mereka membuat kareografi di mana pelakon diletakkan dimana mereka akan berpindah ke separjang shooting dan bagaimana mereka akan menyampaikan dialog mereka.

Kajian daripada Wawarah, S. (2020), mereka menemui apabila kurangnya kesedaran pengarah untuk menyampaikan hiburan yang bermanfaat, secara tidak langsung ini boleh meninggalkan kesan yang negatif lebih banyak daripada positif kepada penonton. Definisi drama adalah suatu lakonan dari sebuah skrip yang dilakonkan di hadapan penonton melalui media untuk menyampaikan sebuah cerita termasuklah dialog, nyanyian, tarian dan lakonan (Saparman 1982 & Hamzah 1996). Sikana (2006) turut menjelaskan bahawa drama merupakan lanjutan daripada skrip yang telah dihasilkan iaitu terjemahan teks ke pentas, kreativiti pengarahan, sistem lakonan, kostum, rias, cahaya, muzik dan seumpama dengannya. Drama televisyen terbahagi kepada beberapa bahagian seperti yang dijelaskan oleh Schreibman (2006) antaranya adalah telefilem iaitu penerbitan bajet rendah dan jadual penggambaran yang pendek, drama televisyen bersiri yang menggunakan satu kamera dan bersambung secara mingguan, sitkom (*situations comedian* yang berepisod dan setengah jam penayangan).

Hasil kajian daripada Asiah Sarji dan Kareelawati (2011) mendapati bahawa adanya sikap bertanggungjawab daripada pengarah untuk memaparkan unsur negatif yang berlaku di sekeliling masyarakat manakala Siti Suriani et al.(2011), menemui bahawa hiburan yang bersifat hedonistik menjadi kecenderungan kepada pengamal media untuk menyiarkannya kepada penonton berbanding hiburan alternatif yang mempunyai elemen positif. Mereka juga seharusnya mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membayangkan filem yang anda ingin buat, lihat, dengar, cipta, visi dan laksanakannya. Perlu berpengetahuan seni yang meluas dan mempunyai minat dan pengetahuan mendalam tentang filem dan drama TV, menghargai semua genre seni supaya dapat menaik idea daripada pelbagai sumber. Seseorang pengarah filem perlu mengetahui tentang pengeluaran dengan memahami proses penghasilan filem atau drama TV dari awal hingga akhir dari sudut teknikal dan kreatif. Yang paling penting mereka perlulah bertentang di bawah tekanan dengan bekerja secara berkaedah dalam persekitaran tekanan tinggi buat keputusan kreatif apabila perkara tidak sesuai dengan rancangan.

## 7. METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif iaitu penggunaan kaedah melalui kata-kata secara lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Temubual mendalam telah dijalankan bersama salah seorang pengarah veteran tempatan. Penyelidikan kualitatif adalah kajian yang dilakukan secara terperinci melalui kaedah bersemuka dan berinteraksi untuk mendapatkan sesuatu maklumat. Soalan-soalan yang akan diajukan dalam temubual ini adalah berbentuk tinjauan, pandangan serta cadangan tentang subjek dan kes kajian. Bentuk soalan juga adalah bersifat terbuka dan tidak berstruktur. Temubual ini dijalankan bersama dengan seorang informen iaitu Encik Eoon Shuhaini yang merupakan pengarah filem dan drama tempatan. Seniman

veteran Encik Eoon Shuhaini telah dipilih berdasarkan latar belakang dan perjalanan beliau dalam menempuh liku-liku dalam dunia seni sehingga mampu mencapai kejayaan hingga tahap tinggi. Temubual yang dijalankan merupakan tinjauan mengenai latar belakang beliau, pencapaian serta sumbangan beliau sebagai seorang pengarah filem dan drama tempatan.

Jenis kaedah pengumpulan data ini digunakan untuk memperoleh maklumat yang tepat dan konkret yang berkaitan dengan subjek yang sedang dikaji, serta untuk menjamin bahawa objektif dan pengesahan kaedah tersebut dipenuhi. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat yang dikaji, kaedah pengumpulan data melalui metodologi temu bual dijalankan. Pendekatan temubual adalah berdasarkan hubungan sosial penyelidik bersama yang ditemuduga. Ia merupakan komunikasi secara langsung untuk mendapatkan maklumat daripada pihak yang informen. Temubual dilakukan secara dalam talian melalui platform “Google Meet” dan dijalankan secara maya pada **9 Julai 2022 pada jam 9.00 malam hingga 12.00 pagi**. Temubual ini kemudiannya direkodkan melalui rakaman video, serta catatan nota. Selain daripada kaedah temubual dalam proses pengumpulan data, kajian ini juga telah menjalankan proses pengumpulan data melalui pembacaan di Internet serta rujukan pada maklumat biodata yang diberikan oleh pihak informen menerusi platform email.

## 8. HASIL KAJIAN

### LATAR BELAKANG TOKOH



Gambar 1: Eoon Shuhaini

Eoon bin Shuhaini atau lebih dikenali sebagai Abang atau Zairul dikalangan keluarga dilahirkan di Kampung Angkat Pinggan, Perak. Beliau dilahirkan pada 20 April 1977 bersamaan hari Jumaat, 2 Jamadilawal 1397 dan kini menetap di Kuala Lumpur. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang serba sederhana, kerana ayahnya Shuhaini bin Mat Said merupakan seorang peneroka kelapa sawit di Kampung Air Dusun, Perak dan ibunya pula hanya seorang suri rumah yang kadang-kadang mengambil tempahan membuat kuih-muih. Kedua-duanya telah meninggal dunia pada tahun 1997 dan tahun 1999. Beliau merupakan anak ke empat daripada enam orang adik-beradik yang terdiri daripada dua orang perempuan dan empat orang lelaki. Beliau menyatakan bahawa namanya datang daripada kawan ayahnya yang merupakan seseorang yang berbangsa Cina Hainan dan Eoon itu bermaksud ‘yang indah’. Beliau juga menyatakan bahawa beliau suka dengan aktiviti luar seperti berbasikal dan berkemah sebagai hobi. Beliau ingin melawat ke negara Turki bagi mendekatkan diri dengan sejarah dan melihat barang-barang peninggalan Rasulullah S.A.W.

Pada tahun 2007, beliau mendirikan rumah tangga bersama isteri tercinta iaitu Rahimah binti Ali yang merupakan bekas saketari dari pejabat guaman di Kuala Lumpur. Hasil daripada perkawinan tersebut, beliau dikurniakan lima orang cahaya mata terdiri daripada dua orang perempuan dan tiga orang lelaki. Anak pertama beliau Nur Afinah binti Nordin merupakan anak angkat kedua pasangan ini dan berumur 23 tahun. Cahaya mata beliau dan isterinya adalah Mohammad Emir Rayyan yang berumur 14 tahun, Mohammad Emir Khalif yang berumur 12 tahun. Nur Isya Ilinya yang berusia 11 tahun dan yang terakhir adalah Mohammad Emir Zaqib yang berumur enam tahun.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Pendidikan awal Encik Eoon bin Shuhaini ialah di Tadika Sungai Air Kuning, Perak. Tamat sahaja tadika pada umur enam tahun, beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Kebangsaan Seri Changkat, Perak, beliau bersekolah disitu selama enam tahun. Pada peringkat sekolah rendah beliau menjawat jawatan sebagai seorang ketua kelas pada ketika darjah empat dan darjah lima, beliau menjadi seorang pengawas pusat sumber pada ketika berumur darjah enam. Beliau banyak melibatkan diri dalam pertandingan mewarna dan melukis yang dianjurkan oleh pihak sekolah, beliau menyatakan pengalaman yang paling beliau hargai adalah ketika arwah ayah beliau mengambil beliau dan adiknya balik dari sekolah menaiki motosikal.

Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa, Perak. Beliau hanya bersekolah disana untuk beberapa bulan sahaja kerana permasalahan sosial yang melanda di sekolah tersebut, disebabkan permasalahan tersebut beliau bertukar sekolah ke Sekolah Menengah CM Yusuf di Tanjung Tualang. Pada ketika beliau tingkatan tiga, ayah beliau menukarbeliau ke Sekolah Menengah Sri Perak di Teluk Intan supaya beliau lebih fokus untuk Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), hasilnya beliau lulus dan ditawarkan ke Sekolah Teknik Taiping untuk melanjutkan pelajaran, di situ beliau mengambil aliran penyejukan dan penyaman udara. Beliau pernah memegang jawatan sebagai ketua kelas dan presiden kepada Kelab Penyamanan Udara di Sekolah Teknik, beliau juga pernah mewakili sekolah dalam pertandingan rugbi. Ketika beliau tingkatan lima, beliau memasuki Kesatuan Pengakap. Beliau mengatakan beliau menyukai subjek akaun, sains dan bengkel, beliau tidak menggemari subjek bahasa Inggeris dan matematik tambahan. Setelah menamatkan pengajian peringkat sekolah menengah pada tahun 1993, beliau menyambung pelajaran di UNITEN dalam bidang diploma pengarahan.

## PENGALAMAN SERTA SUMBANGAN KERJAYA

Pengarah televisyen tanah air ini memulakan jejak langkah beliau dalam bidang seni hiburan sejak tahun 1995. Memulakan kerjaya beliau sebagai Kru Pengeluaran di bawah Jabatan Melayu di HVD Entertainment pada tahun 1995 sehingga tahun 1997. Kemudian, beliau meneruskan langkah sebagai Kru Pengeluaran (Pengarah Seni dan Kesinambungan) secara *“freelance”* bermula pada tahun 1998 sehingga tahun 2006. Sepanjang kerjaya beliau sebagai Kru Pengeluaran yang bergerak secara bebas, pelbagai drama telah berjaya diterbitkan oleh beliau. Antaranya adalah, drama bertajuk ‘Hanya Dikau’, ‘Kahwin Kontrak’, ‘Aku Terima Nikahnya’, ‘Cinta Gila’, ‘Iris’ dan banyak lagi. Minat dan kesungguhan beliau dalam bidang seni hiburan telah membuatkan beliau mengorak langkah sebagai seorang pembantu pengarah yang bergerak secara bebas bermula pada tahun 2007 sehingga tahun 2010. Kesungguhan beliau dalam memulakan langkah sebagai pembantu pengarah telah dibuktikan dengan kejayaan beliau menghasilkan pelbagai telefilem dan drama tempatan. Antaranya adalah, ‘Dendam’, ‘Cinta Balqis’, ‘Asmara’, ‘Sumpahan Kum Kum’, ‘Adnan Sempit 2’, ‘Nongkrong’, ‘Kisah Paling Gangster’ dan pelbagai lagi.



Gambar 2: Eoon Shuhaini bersama pelakon Remy Ishak untuk drama ‘Pujaan Hati Kanda’.

‘Usaha Tangga Kejayaan’, itu adalah peribahasa yang sesuai untuk diungkapkan kepada pengarah berbakat ini. Usaha serta kegigihan beliau dalam menempuh pelbagai rintangan dan cabaran bagi meningkatkan kualiti serta kemahiran beliau dalam bidang pengarahan telah berjaya menjadikan beliau melangkah maju sekaligus menjadikan beliau sebagai seorang pengarah. Kerjaya sebagai seorang pengarah bermula pada tahun 2010. Langkah yang berterusan dalam mengasah bakat serta kemahiran dalam mengarahkan suatu jalan cerita telah dibuktikan dengan beberapa hasil kreatif oleh beliau seperti ‘Cinta Buat Emelda’, ‘Suamiku Jururawat’, ‘Love You Mr Arrogant’, ‘Astana Cinta Aleesa’, ‘Hidayahmu Ramadhan’, ‘Pujaan Hati Kanda’, ‘Pengantin Satu Malam’ dan banyak lagi.

Selain itu, usaha dan kegigihan beliau dalam menempa kecemerlangan dalam bidang seni hiburan telah menjadikan beliau berjaya merangkul beberapa anugerah tempatan. Antaranya adalah, Anugerah DFKL [Drama Festival Kuala Lumpur], Anugerah Skrin dan Anugerah Telenovela. Beliau juga pernah tercalon di dalam Pencalonan Pengarah Terbaik bagi beberapa buah drama iaitu drama ‘Love You Mr Arrogant’, ‘Pujaan Hati Kanda’, ‘Hidayahmu Ramadhan’, dan ‘Pengantin Satu Malam’. Selain itu, beliau juga pernah mengembangkan bakat beliau dalam bidang pengarahan di Pakistan dan Indonesia. Kejayaan yang dicapai oleh saudara Eoon Shuhaini ini adalah merupakan berkat serta berkat doa ibu bapa beliau dan daya usahanya yang jitu untuk mencapai kemenangan.

Namun, langkah permulaan beliau sebagai seorang pengarah seni tidak seindah kejayaan yang beliau capai kini. Pelbagai rintangan dan dugaan yang beliau tempuh bermula dengan halangan oleh ibu bapa beliau untuk mencebur dalam dunia seni hiburan ini serta latar belakang pendidikan. Namun, ianya tidak menghalang beliau untuk terus maju dalam bidang seni hiburan ini. “Kita perlu yakin diri”, adalah prinsip yang dipegang oleh beliau. Sikap disiplin dan harus menepati waktu adalah pegangan yang diperkatakan oleh Eoon Shuhaini dalam menjadikan beliau terus dapat memperbaiki dan memajukan bakat dalam bidang seni hiburan. Selain itu, keinginan beliau dalam meneruskan kerjaya dalam bidang pengarahan adalah kerana hasrat beliau yang ingin menerapkan unsur tabligh serta dakwah di dalam setiap hasil karya beliau. Kata beliau, elemen-elemen dakwah yang beliau terapkan di dalam setiap karya beliau adalah bertujuan untuk memberi dan menyampaikan nasihat serta pengajaran kepada penonton. *“Tanggungjawab serta amanah yang telah Allah S.W.T berikan sebagai seorang pengarah perlu dijalankan dengan sebaiknya”*. - Eoon Shuhaini.

Akhir sekali, walaupun beliau tidak mempunyai sumbangan yang banyak dalam dunia seni hiburan serta pengarahan tetapi semangat serta usaha beliau dalam memajukan industri seni tanah air harus diberikan pujian. Hingga kini, beliau masih meneruskan bakat serta kerjaya beliau dalam dunia

pengarahan dan meneruskan sumbangan beliau dalam menghasilkan karya-karya tempatan sehingga mampu mencapai ke peringkat persada dunia.

## **NILAI DAN PENGAJARAN YANG DIPEROLEHI OLEH EOON SHUHAINI**

Antara nilai dan pengajaran yang dapat dipelajari dan diperolehi melalui hasil temubual bersama Eoon Shuhaini sepanjang beliau terlibat di dalam bidang seni hiburan ini ialah, beliau amat menitikberatkan pendidikan serta kefahaman dalam ilmu Islam. Kefahaman serta pendidikan dalam ilmu agama mempunyai nilai-nilai murni dan sangat penting terutama dalam dunia seni hiburan. Sebagai contoh, ilmu “Tassawur”, membawa maksud “akhlak” atau “peradaban” bagi sesuatu perkara itu dan mampu memberikan nilai-nilai yang baik kepada mereka yang memahaminya. Hal ini menjadi tunjang utama bagi pengarah seni tempatan ini iaitu Eoon Shuhaini dalam menerapkan peradaban serta mengukuhkan akhlak yang baik menerusi elemen-elemen dakwah yang disampaikan di setiap karya beliau. Hasrat beliau, ingin menyampaikan dakwah serta nasihat kepada masyarakat yang menonton karya-karya penceritaan beliau. Misalnya, *“yang jahat, ada balasannya, yang baik pula sudah pasti ada balasan baik yang akan diberikan”*, itulah contoh nasihat yang diterapkan oleh Eoon Shuhaini di dalam sebuah drama karya beliau.

Selain itu, beliau juga percaya di setiap kejayaan yang beliau perolehi kini adalah hasil berkat doa oleh ibu bapa beliau. Walaupun pada awalnya, beliau mendapat halangan dari kedua ibu bapa beliau untuk melibatkan diri dalam dunia seni hiburan ini, namun berkat kesabaran serta usaha beliau untuk terus mengasah dan mengilap bakat beliau sebagai seorang pengarah telah berjaya dibuktikan kepada kedua ibu bapa beliau. Sebagai contoh, kejayaan dalam meraih pelbagai anugerah menerusi drama hasil karya beliau iaitu ‘Love You Mr. Arrogant’ juga yang menjadi kegilaan dan kegemaran penonton tempatan adalah hasil doa yang diberikan oleh ibu bapa beliau. Malahan, setinggi-tinggi pencapaian serta kejayaan yang beliau kecapi kini, beliau tidak akan pernah berputus asa untuk meminta keberkahan serta doa dari ibu bapa beliau supaya kejayaan dan urusan beliau dalam dunia seni hiburan ini berkekalan. Hal ini dapat memberi pengajaran kepada kita bahawa ibu bapa yang dijadikan oleh Allah S.W.T dan telah diamanahkan olehNya adalah penyebab kewujudan kejayaan bagi setiap anak-anak. Sesungguhnya, doa ibu bapa itu tiada hijabnya.

Firman Allah S.W.T: *“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-NYA semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur rusa dalam jagaan dan peliharaanmu.”* - (*Rujukan Surah al-Isra’ ayat 23*)

Nilai dan pengajaran seterusnya adalah, beliau amat menitikberatkan disiplin serta saling hormat-menghormati kepada penggiat-penggiat seni tanah air terutamanya kepada bakal anak-anak seni masa kini. Dalam konteks hormat-menghormati, beliau amat mementingkan setiap anak seni untuk sentiasa menjaga diri dan perilaku terutamanya apabila mereka berada dalam dunia seni hiburan. Pesanan yang sering kali beliau sampaikan ketika temubual tersebut adalah memastikan nilai menghormati itu ada di dalam diri setiap penggiat seni. Misalnya, pelakon-pelakon semasa kini harus mengetahui adab serta batas pergaulan ketika berhadapan dengan pelakon-pelakon veteran. Selain itu, Eoon Shuhaini juga berkata, para penggiat seni juga harus terus menerus perbaiki diri dari setiap aspek serta mengasah bakat seperti bakat dalam bidang lakonan agar dapat menyadari kesalahan serta kekurangan diri. Tambahan lagi, nilai disiplin juga amat penting. Sebagai contoh, para penggiat seni perlu memupuk nilai disiplin dalam diri seperti menepati waktu dalam setiap urusan yang ingin

dilakukan. Hal ini dapat membentuk peribadi positif bagi setiap penggiat seni bahkan generasi muda masa kini agar dapat terus berusaha meningkatkan kualiti diri terutama kepada penggiat seni dalam bidang industri seni hiburan ini.

Nilai dan pengajaran yang terakhir yang dapat diperolehi adalah, masyarakat tempatan harus sentiasa menyokong filem dan drama tempatan. Elakkan daripada terus menerus menyokong hasil cetak rompak. Hargai dan memberi sokongan kepada filem serta drama tempatan dapat memajukan serta menaikkan nama filem Malaysia hingga ke persada dunia. Sebagai pengarah seni veteran Malaysia, beliau juga memberi pesanan kepada bakal penggiat seni tanah air terutamanya dalam bidang pengarahan agar terus mengasah bakat dan kreativiti untuk menghasilkan filem atau drama yang berkualiti tinggi. Beliau juga berkata, nilai budaya Malaysia juga adalah perkara penting dan harus sentiasa diterapkan dalam setiap filem atau drama Malaysia supaya ia dapat memberi kejayaan serta kemajuan kepada industri seni tanah air. Tambahan lagi, beliau mempraktikkan pemikiran serta idealisme yang tinggi supaya dapat mengelakkan isu meniru atau ‘menciplak’ hasil karya orang lain. “Jadilah kreatif, bukan inovatif”, itulah pesanan serta harapan yang sering juga diperkatakan oleh Eoon Shuhaini. Hal ini menunjukkan bahawa, pengarah seni ini adalah seorang yang berkaliber serta berdisiplin tinggi dalam memacu kejayaan sepanjang perjalanan beliau dalam dunia seni hiburan ini.

## 9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian dan penyelidikan ini dilakukan bagi menjalankan tugasan yang diberikan mengenai Seniman Veteran dan Seri Warisan. Temubual yang dijalankan oleh penyelidik bersama tokoh adalah bertujuan untuk mengetahui latar belakang, pengalaman serta sumbangan kerjaya beliau dalam dunia seni hiburan. Selain itu, kajian ini juga untuk mengetahui mengenai industri perfileman Malaysia yang kini berkembang pesat. Hal demikian kerana, pada tahun 1951, pengarah filem tenaga kerja kreatif di belakang tadbir mula muncul. Hal ini terjadi sepanjang era filem Melayu dan telah berkembang maju semasa era filem Malaysia. Dalam kedua-dua era, perkembangan pengarah filem Melayu dan tenaga kerja kreatif di sebalik tadbir mengukuhkan ciri industri perfileman negara. Kandungan filem Melayu telah berubah hasil daripada perkembangan pengarah dan tenaga kreatif. Pengarah filem mula mengutarakan idea-idea kreatif bagi meningkatkan kualiti pembikinan dalam industri perfileman tempatan. Oleh itu, penyelidikan ini telah memberi manfaat kerana terdapat pelbagai maklumat yang dapat dipelajari dan dijadikan inspirasi daipada pengarah filem dan drama yang telah berjaya membawa imej terbaharu dalam industri perfileman tempatan iaitu Eoon Shuhaini. Hasil karya beliau telah membawa warga tempatan sebagai peminat dalam menonton drama atau filem Malaysia. Secara tidak langsung, penyelidikan ini mampu menonjolkan kepentingan dan keunikan industri perfileman kursusnya dalam mengenal insan di sebalik tadbir perfileman Malaysia.

Akhir sekali, penyelidikan ini juga dapat menyedarkan kita tentang kepentingan kemahiran yang perlu ada sebagai penggiat seni di Malaysia. Mereka mestilah mempunyai kemahiran dari segi kepimpinan, imaginasi yang tinggi, berpengetahuan berkenaan kesenian, mengetahui tentang pengeluaran filem dan yang paling penting dapat mengekalkan tahap kemajuan dalam diri. Hasil kajian ini juga kita dapat menyimpulkan bahawa pengarah adalah antara peneraju kreatif tanah air yang patut dihargai oleh masyarakat.

## RUJUKAN

- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd. Karim. 2011. Kajian filem arahan pengarah muda sebagai saluran dakwah di Malaysia. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle(pnyt). Representasi Islam Dalam Media, hlm. 175-194. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Greteman Group. (n.d.). Art director. <https://www.gretemangroup.com/PDFs/art-director.pdfLoring>
- Hamzah Ismail. 1996. Sandiwara sebagai genre drama moden Malaysia. Tesis Sarjana Sastera Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim, & Faridah Ibrahim. (2014). Malaysian film industry in transformation: Challenges and potential. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/291894345\\_Malaysian\\_film\\_industry\\_in\\_transformation\\_Challenges\\_and\\_potential](https://www.researchgate.net/publication/291894345_Malaysian_film_industry_in_transformation_Challenges_and_potential)
- Manu Sikana. 2006. Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pasca Moden. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nelson, Z., & Anthony, B. (2006). Television drama series' incorporation of film narrative innovation: The case of 24. CORE. <https://core.ac.uk/download/pdf/55641998.pdf>
- Peter, M. D. (2018). The art and craft of the director: Film directing audio seminar [PDF document]. <https://www.actioncutprint.com/files/13-AOTD-AS.pdf>
- Peter, M. D. (n.d.). What is expected of a film director. Academia.edu. [https://www.academia.edu/38580285/What\\_is\\_Expected\\_of\\_a\\_Film\\_Director](https://www.academia.edu/38580285/What_is_Expected_of_a_Film_Director)
- Rabiger, M. (2003). Directing: Film techniques and aesthetics (3rd ed.). Elsevier. <https://vulms.vu.edu.pk/Courses/MCD501/Downloads/directing%20film%20techniques.pdf>
- Saparman Bakri. 1982. Alam Teater. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schreibman, M.A. 2006. The Film Director Prepares. New York: Watson-Guptill
- ScreenSkills. (2022). Art director in the animation industry. <https://www.screenskills.com/job-profiles/browse/animation/pre-production/art-director-animation/>
- ScreenSkills. (2022). Director. <https://www.screenskills.com/job-profiles/browse/film-and-tv-drama/development-film-and-tv-drama-job-profiles/director-film-and-tv-drama/>
- Sharaf N. Rehman. (2015). Films through the eyes of their directors. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/331153556\\_FILMS\\_THROUGH\\_THE\\_EYES\\_OF THEIR\\_DIRECTORS](https://www.researchgate.net/publication/331153556_FILMS_THROUGH_THE_EYES_OF THEIR_DIRECTORS)
- Siti Suriani Othman, Lee Kuok Tiung, Roslizawati Mohd Ramli & Jaziratul Shila Jamal. 2011. Dilema antara islam dan hiburan dalam media. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (nyt). Representasi Islam Dalam Media, hlm.89-110. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- StudioBinder. (2021, August 16). What does a director do? The film director's job description. <https://www.studiobinder.com/blog/what-does-a-director-do/>
- W. (2022). Essential guide: Film crew positions. Wrapbook. <https://www.wrapbook.com/blog/film-crew-positions>
- Wawandah Saidpuddin. (2020). Penghasilan Drama Islamik: Merungkai Sifat-Sifat Pengarah. Proceeding of the 7<sup>th</sup> International Conference on Management and Muamalah 2020 (ICoMM 2020. Retrieved from chrome-extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/https://conference.uis.edu.my/icomm/7th/images/eprosiding/ICD-002\_2020.pdf